

## RUU Bank Makanan dibentang di Parlimen Oktober

ZULKIFLI MANZOR

19 September 2019 6:18 PM



Saifuddin (tiga dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil penyumbang Program Bank Makanan Siswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini.

**NILAI** - Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan program Bank Makanan dijangka dibentangkan oleh kerajaan di Dewan Rakyat pada Oktober depan untuk mendapat kelulusan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, draf pertama RUU itu telah pun diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti.

"Jabatan Peguam Negara telah kembalikan semula draf tersebut kepada kami dan memberi 'lampu hijau' untuk kami bentangkan kepada Kabinet.

"Jika Kabinet setuju, kita berharap dapat bentangkan RUU berkaitan program Bank Makanan ini di Parlimen pada Oktober depan," katanya pada sidang akhbar Pelancaran Program Bank Makanan Siswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini hari ini.

Saifuddin Nasution berkata, RUU berkaitan program Bank Makanan apabila diluluskan dijangka menambah bilangan penyumbang kepada program itu sebanyak 20 peratus.

Menurut beliau, pada masa ini terdapat seramai 430 penyumbang kepada program Bank Makanan di seluruh negara termasuk pasar raya dan syarikat peruncitan.

Jelas beliau, jangkaan itu dibuat berdasarkan pengalaman negara yang telah mempunyai RUU berkaitan program Bank Makanan.

Dalam pada itu, katanya, antara objektif RUU itu tentang aspek perlindungan kepada penyumbang yang kluatfr boleh dikenakan tindakan oleh penerima.

"Kadang-kala syarikat ambil sikap berjaga-jaga untuk menyumbang kerana bimbang apabila barang sampai kepada penerima dan ada masalah, penerima bawa mereka ke muka pengadilan.

"Bagaimanapun setakat ini perkara itu tidak pernah berlaku sebab barang yang kita ambil hanya yang baik, namun perlu undang-undang untuk melindungi penyumbang," katanya. - K! ONLINE

